



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 11/2022**

**PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH DI BAWAH
SUBSEKSYEN 344(2), KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**

1. Tujuan

Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan berkaitan permohonan bagi pendaftaran sebagai pemegang amanah di bawah subseksyen 344(2), Kanun Tanah Negara [Akta 828] (KTN).

2. Latar Belakang

- 2.1. Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan telah mengeluarkan Arahan PTGNS Bil 3/2020 berkaitan pemberhentian permohonan bagi pendaftaran pemegang amanah, surat ikatan amanah dan pembatalan pemegang amanah yang menggunakan borang di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) pada 24 Jun 2020.
- 2.2. Permohonan Pendaftaran Pemegang Amanah, Surat Ikatan Amanah dan Pembatalan Pemegang Amanah yang menggunakan Borang Jadual 12 KKTNS Tahun 2002, borang Surat Ikatan Amanah, Borang Jadual 14 KKTNS Tahun 1966 dan borang Pembatalan Pemegang Amanah di PTGNS atau di PTD atau menggunakan borang sendiri hendaklah dihentikan serta merta.
- 2.3. Permohonan Pendaftaran Pemegang Amanah, Surat Ikatan Amanah dan Pembatalan Pemegang Amanah **hendaklah diterima** sekiranya permohonan tersebut dibuat melalui **perintah mahkamah** atau melalui **peguam** sahaja dan permohonan sedemikian tidak perlu melampirkan

borang Jadual 12 KKTNS Tahun 2002, borang Surat Ikatan Amanah, borang Jadual 14 KKTNS Tahun 1966 dan borang Pembatalan Pemegang Amanah.

- 2.4. Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan telah mengeluarkan Garis Panduan Pentadbiran Tanah Bil. 1/2021 berkaitan Permohonan Dan Penyediaan Dokumen Amanah Bagi Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah Di Bawah Subseksyen 344(2) KTN pada 28 Jun 2021.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Permohonan Pendaftaran Pemegang Amanah, Surat Ikatan Amanah dan Pembatalan Pemegang Amanah boleh dikemukakan ke Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah menggunakan borang-borang seperti berikut:

3.1.1. Borang Permohonan Bagi Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah Di Bawah Subseksyen 344(2) KTN seperti di **Lampiran A**; dan

3.1.2. Borang Pembatalan/Penarikan Balik Pendaftaran Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah Di Bawah Subseksyen 344(2) KTN seperti di **Lampiran B**.

Borang-borang ini hendaklah digunakan sebagai borang permohonan untuk urusan-urusan tersebut sahaja. Borang-borang ini bukan dokumen atau instrumen urusniaga.

- 3.2. Permohonan Bagi Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah Di Bawah Subseksyen 344(2) KTN hendaklah disertai dengan satu **Dokumen Amanah** yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- 3.2.1. Butiran pemohon (tuan punya tanah atau pihak berkepentingan) iaitu:

Individu	Syarikat/Perbadanan /Pertubuhan
(a) Nama	(a) Nama
(b) No Kad Pengenalan/No Pasport	(b) No Pendaftaran Syarikat/Perbadanan/Pertubuhan
(c) Alamat	(c) Alamat

3.2.2. Butiran pihak yang dinamakan iaitu:

Individu	Syarikat/Perbadanan /Pertubuhan
(a) Nama	(a) Nama
(b) No Kad Pengenalan	(b) No Pendaftaran Syarikat/Perbadanan/Pertubuhan
(c) No. Sijil Kelahiran (jika berkaitan)	(c) Alamat
(d) Alamat	

3.2.3. Hubungan pemohon dengan pihak yang dinamakan;

3.2.4. Perihal tanah yang berkenaan iaitu no. hakmilik, no.lot/PT, Mukim/Pekan/Bandar, Daerah dan Negeri;

3.2.5. Terma/syarat/sekatan/had/batasan ke atas pewujudan amanah, sekiranya ada;

3.2.6. Tandatangani pemohon di dalam Dokumen Amanah hendaklah dibuat di hadapan/disaksikan mana-mana pegawai atau orang yang dinyatakan di dalam Jadual Kelima KTN termasuk Pesuruhjaya Sumpah. Sekiranya penyaksian dilakukan oleh pegawai di Pejabat Tanah, maka pegawai yang melakukan penyaksian hendaklah berbeza dengan pegawai yang terlibat dalam proses pendaftaran;

3.2.7. Sekiranya melibatkan Tanah Rizab Melayu atau Tanah Adat, penyaksian hendaklah oleh Pentadbir Tanah;

3.2.8. Tandatangani saksi dengan meletakkan nama dan nombor kad pengenalan atau nama pendaftaran amalan serta jawatannya; dan

3.2.9. Dokumen yang dikemukakan tanpa pembayaran duti setem bagi urusan di bawah Arahan ini masih boleh diterima selagi mana ia tidak melibatkan pindah milik harta.

3.3. Walau bagaimanapun penyaksian di para 3.2.6. dan 3.2.7. **tidaklah merujuk** kepada penyaksian di bawah seksyen 211, KTN dan Borang 13B, KTN.

- 3.4. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan penerima bagi permohonan yang melibatkan tanah di dalam Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) adalah **isteri/bekas isteri/waris kadim** kepada pemberi. Tafsiran **waris kadim** yang digunakan bagi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] di Negeri Sembilan adalah **suami, isteri, ibu, bapa, anak (tidak termasuk anak angkat), cucu, adik beradik seibu sebapa atau adik-beradik sebapa atau adik-beradik seibu** kepada pemilik tanah.
- 3.5. Permohonan yang dikemukakan kepada Pendaftar hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah disertai dengan perkara-perkara berikut:
- 3.5.1. Fi permohonan RM 40.00.
- 3.5.2. Fi penyimpanan Dokumen Amanah RM 40.00
- 3.5.3. Dokumen Amanah yang lengkap.
- 3.5.4. Fi pembatalan/penarikan RM 40.00 (jika berkaitan)
- 3.6. Pemohon hendaklah memastikan borang permohonan diisi terang dan jelas serta lengkap menggunakan **pen dakwat hitam**. **Dokumen Amanah** pula boleh disediakan secara **tulisan tangan** dengan jelas dan terang menggunakan **pen dakwat hitam** atau **bertaip** dengan jelas menggunakan **mesin taip** atau **komputer**.

4. **Kecualian Bagi Tanah Adat**

Permohonan Bagi Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah Di Bawah Subseksyen 344(2) KTN bagi **tanah adat** hendaklah **terhad** kepada pelantikan yang dibuat oleh Pentadbir Tanah setelah mendapati bahawa ada orang yang belum cukup umur berhak didaftarkan sebagai pemunya mana-mana pesaka adat. Pemungut boleh melantik seorang yang layak dan sesuai sebagai pemegang amanah sebagaimana diperuntukkan di bawah:

- 4.1. subseksyen 10 (vi) dan(vii), *Customary Tenure Enactment (CAP 215)* seperti berikut:

"10. Claims to registration by right of succession.

(vi) *If in the course of any enquiry under this section it shall **appear to the Collector that any minor would but for the disability of minority be entitled to be registered as owner** of any customary estate **the Collector may appoint any fit and proper person to be trustee** for the said minor and shall register such person as owner of such estate as trustee and shall at the same time lodge a caveat against the title for the land affected to protect the interests of the said minor. The Collector may at any time on good course being shewn revoke the appointment of a trustee under this section and appoint a new trustee.*

(vii) *Where a minor as is referred to in subsection (vi) attain the age of majority, the Collector shall thereupon cancel the caveat and transfer the interest to the minor."*

- 4.2. subseksyen 10 (6) dan (7), *Customary Tenure (Lengkongan) (Revised 2007) Enactment 1960 (En.12)* seperti berikut:

"10. Claims to registration by right of succession.

(6) *If in the course of any enquiry under this section it shall **appear to the Collector that any minor would but for the disability of minority be entitled to be registered as owner** of any customary estate **the Collector may appoint any fit and proper person to be trustee** for the said minor and shall register such person as owner of such estate as trustee and shall at the same time lodge a caveat against the title for the land affected to protect the interests of the said minor. The Collector may at any time on good course being shewn revoke the appointment of a trustee under this section and appoint a new trustee.*

(7) *Where a minor as is referred to in subsection (7) attain the age of majority, the Collector shall thereupon cancel the caveat and transfer the interest to the minor."*

5. Pembatalan dan Tarikh Kuat Kuasa

- 5.1. Arahan PTGNS Bil. 3/2020 dan Bil. 8/2022 adalah dengan ini **dibatalkan**.
- 5.2. Arahan PTGNS Bil 11/2022 ini berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(**DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS**)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 7 Julai 2022
Rujukan : Bil (92) dlm. PTGNS.10/17 klt.3.

BAHAGIAN III : MAKLUMAT TANAH BERIMILIK ATAU KEPENTINGAN BERDAFTAR

A. HARTANAH

Bandar/Pekan/ Mukim	No.Lot/Petak /PT	Perihal Kepentingan Berdaftar		
		Tuan punya atau tuanpunya bersama (jika tuan punya bersama nyatakan bahagian yang tak dipecahkan)	*Pemajak atau pemajak kecil (nyatakan nombor berdaftar pajakan/pajakan kecil)	*Pemegang gadaian (nyatakan nombor berdaftar pajakan/pajakan kecil)

(Sila gunakan lampiran berasingan sekiranya ruang tidak mencukupi)

BAHAGIAN IV - PENGAKUAN PEMOHON

Saya / kami _____

No. Kad Pengenalan/No Syarikat/Pertubuhan _____

mengaku bahawa segala butiran yang dinyatakan di dalam borang permohonan ini adalah benar.

2 Bersama-sama ini disertakan :

Bil	Perkara	(√)
2.1	1 salinan borang permohonan	
2.2.	1 salinan borang pengesahan pemberi amanah dan penerima amanah bagi tanah adat	
2.3	Bayaran permohonan RM (salinan resit bayaran disertakan)	
2.4	Bayaran untuk mendepositkan instrumen amanah RM (salinan resit bayaran disertakan)	
2.5	Instrumen Amanah	
2.6	Dokumen hak milik keluaran	

2.7	Salinan kad pengenalan pemohon (pemberi amanah)	
2.8	Salinan kad pengenalan pemohon (penerima amanah)	
2.9	Salinan Sijil Kelahiran (jika berkaitan)	
2.10	Bagi permohonan di dalam Kawasan Penempatan Berkelompok: a) Salinan Sijil Nikah b) Salinan Sijil Cerai c) Salinan Sijil Kelahiran d) Dokumen-dokumen lain bagi membuktikan pertalian.	
2.11	Bagi permohonan daripada syarikat: Profail Syarikat (Superform) yang dicetak daripada system a) myData atau e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang diakui sah oleh SSM pada setiap muka surat bercetak <i>Memorandum and Articles of Association</i> beserta pindaan b) (sekiranya ada)/ <i>Constitution</i> yang diakui sah oleh SSM pada setiap muka surat bercetak c) Resolusi Syarikat d) Borang perlu ditandatangani oleh mereka yang diberikuasa dan dicop dengan " <i>common seal</i> ".	
2.12	Bagi permohonan daripada pertubuhan/koperasi: a) Undang-Undang Kecil yang disahkan oleh Pendaftar Pertubuhan/Suruhanjaya Koperasi b) Keputusan Mesyuarat Agung yang membenarkan permohonan ini c) Borang perlu ditandatangani oleh mereka yang diberikuasa mengikut Undang-Undang Tubuh.	

Tandatangan pemilik

(Cop mohor)

Tarikh : _____

5. E-mel Rasmi _____
6. Modal Berbayar _____
(Syarikat sahaja)

BAHAGIAN 11 : MAKLUMAT TANAH BERIMILIK ATAU KEPENTINGAN BEDAFTAR

A. HARTANAH

Bandar/Pekan/ Mukim	No.Lot/Petak /PT	Perihal Kepentingan Berdaftar		
		Tuan punya atau tua	*Pemajak atau pemajak kecil (nyatakan nombor berdaftar pajakan/pajakan kecil)	*Pemegang gadaian (nyatakan nombor berdaftar pajakan/pajakan kecil)

(Sila gunakan lampiran berasingan sekiranya ruang tidak mencukupi)

BAHAGIAN III - PENGAKUAN PEMOHON

Saya / kami _____

No. Kad Pengenalan/No Syarikat/Pertubuhan _____

mengaku bahawa segala butiran yang dinyatakan di dalam borang permohonan ini adalah benar.

2 Bersama-sama ini disertakan :

Bil	Perkara	(√)
2.1	1 salinan borang permohonan	
2.2	Bayaran permohonan pembatalan RM (salinan resit bayaran disertakan)	
2.3	Dokumen hak milik keluaran	
2.4	Salinan kad pengenalan pemohon (pemberi amanah)	

2.5	Bagi permohonan daripada syarikat:	
	a) Profail Syarikat (Superform) yang dicetak daripada system myData atau e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah diakui sah oleh SSM pada setiap muka surat bercetak	
	b) <i>Memorandum and Articles of Association</i> beserta pindaan (sekiranya ada)/ <i>Constitution</i> yang telah diakui sah oleh SSM pada setiap muka surat bercetak	
	c) Resolusi Syarikat	
d) Borang perlu ditandatangani oleh mereka yang diberikuasa dan dicop dengan " <i>common seal</i> ".		
2.6	Bagi permohonan daripada pertubuhan/koperasi:	
	a) Undang-Undang Kecil yang disahkan oleh Pendaftar Pertubuhan/Suruhanjaya Koperasi	
	b) Keputusan Mesyuarat Agung yang membenarkan pembatalan ini.	
c) Borang perlu ditandatangani oleh mereka yang diberikuasa mengikut Undang-Undang Tubuh.		

Tandatangan pemilik

(Cop mohor)

Tarikh : _____